

12 AUG 1998

Buku

MINAT TERHADAP BAHAN BACAAN LUCAH DAN BERUNSUR FITNAH LEBIH TINGGI

KANGAR, 12 Ogos (Bernama) -- Bahan bacaan lucu dan berunsur fitnah didapati lebih mudah mendapat tempat di hati pembaca meskipun ia tidak membantu membentuk minda yang sihat, kata Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim hari ini.

Katanya, bahan-bahan bacaan yang berunsur negatif tidak sepatutnya wujud dalam masyarakat yang bertamadun tetapi ia kini menjadi bahan yang paling laris berbanding buku ilmiah.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan kempen derma buku peringkat negeri di sini, Shahidan berharap rakyat menjauhi buku-buku sensasi seumpama itu.

Katanya, rakyat perlu mengubah sikap daripada menggemari bahan bacaan yang sensasi kepada bahan bacaan yang lebih berkualiti dan mampu mengembangkan minda secara positif.

Beliau memuji usaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang menganjurkan kempen derma buku itu yang dilancarkan di peringkat kebangsaan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur pada 5 Ogos lalu.

Katanya, melalui kempen yang berakhir 30 Sept ini masyarakat luar bandar di seluruh negara akan didedahkan dengan bahan bacaan yang berkualiti.

Beliau yakin matlamat untuk mengumpul sebanyak 30,000 buah buku sepanjang kempen itu di peringkat negeri Perlis akan berhasil melalui pembabitkan wakil-wakil rakyat.

Shahidan berkata, beliau dan semua wakil rakyat akan membuat sumbangan peribadi berjumlah RM20,000 bagi membeli buku-buku berkualiti untuk disumbangkan kepada urusetia kempen itu.

Beliau juga berharap orang ramai yang mempunyai buku-buku yang tidak lagi diperlukan supaya membantu menjayakan kempen berkenaan.

Sumbangan boleh disampaikan kepada urusetia kempen di Pejabat Kemas Perlis atau pusat pengumpulan di pusat kegiatan Kemas, semua stesen Petronas dan pejabat pos.

-- BERNAMA

AD AKD